

TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN SIMPAN SSPN IDOL

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan Simpan SSPN *Idol* adalah pertandingan terbuka yang boleh disertai secara individu. Pertandingan ini adalah bertujuan untuk mencungkil bakat peserta dalam bidang nyanyian solo serta menanamkan nilai dan semangat kekitaan dalam diri menggunakan pendekatan seni.
3. Pertandingan Simpan SSPN *Idol* ini terbuka kepada warganegara Malaysia.

TEMPOH PERTANDINGAN

4. Tempoh pertandingan adalah pada **1 Oktober 2022 (Sabtu)**
5. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar.

KELAYAKAN PENYERTAAN

6. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.
7. Pertandingan ini terbuka kepada semua **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
8. Peserta perlu **mempunyai akaun Simpan SSPN yang dibuka dengan deposit minimum RM50.00 atau membuat penambahan simpanan minimum RM50.00** untuk mendapatkan **satu (1) penyertaan** di dalam tempoh pertandingan.

CARA PENYERTAAN

9. Pertandingan terdiri daripada kategori individu sahaja.
10. Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan oleh pihak penganjur.
11. Tema dan lagu yang dipilih adalah bebas dan hanya satu lagu untuk seorang peserta. Tema nyanyian terdiri daripada lagu-lagu dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa English sahaja tidak kira lama ataupun moden.
12. Peserta digalakkan menyediakan *minus one* berbentuk CD bagi lagu yang dipilih untuk dipertandingkan. CD perlu diserahkan kepada penganjur pada masa pendaftaran sekiranya ada.
13. Setiap peserta hanya diperuntukkan maksimum 3 sehingga 5 minit untuk mempersembahkan lagu.

14. Lirik lagu yang dipilih hendaklah berunsur sihat dan positif.
15. Pakaian para peserta hendaklah bersesuaian, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
16. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PERTANDINGAN	PEMENANG	HADIAH TUNAI
Simpan SSPN Idol	Pertama	RM150 x 1 pemenang
	Kedua	RM120 x 1 pemenang
	Ketiga	RM100 x 1 pemenang
	Keempat	RM80 x 1 pemenang
	Kelima	RM50 x 1 pemenang

17. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
18. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
19. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

20. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
21. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

22. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
23. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
24. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
25. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
26. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
27. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
28. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh

**Pertandingan Simpan SSPN Idol
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2022**

Maklumat dikemaskini pada 21 September 2022